

TAJWID HURUF: SEBUTAN YANG SAHIF BAGI HURUF LĀM ALIF (لَا)

Oleh:

Wan Mohd Al Hafiz b. Wan Mustapa¹
Muhamad Hamidani b. Mustapha²
Kamarul Shukri b. Mat Teh³

ABSTRAK

Al-Quran ialah kitab suci umat Islam yang diturunkan dalam bahasa Arab. Justeru, setiap baris ayat, perkataan, dan huruf yang terdapat di dalamnya adalah daripada bahasa Arab. Walau bagaimanapun, telah berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan ulama tentang bilangan huruf-huruf bahasa Arab yang diguna pakai oleh al-Quran. Hal yang sama berlaku terhadap sebutan setiap huruf terbabit antaranya huruf Lām Alif (لَا). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneliti perbezaan pendapat ulama pada bilangan huruf hijā'iyah dan mengkaji yang manakah sebutan yang sahif bagi huruf Lām Alif (لَا). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melalui reka bentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian mendapati antara faktor berlakunya perselisihan pendapat ulama terhadap bilangan huruf hijā'iyah adalah pada menentukan huruf Alif, sama ada Hamzah, Alif Mad dan Alif bukan Mad. Faktor tersebut juga merupakan punca terciptanya huruf Lām Alif (لَا) dan kepelbagaian sebutannya. Kajian ini seterusnya mengukuhkan keperluan menguasai bahasa Arab khasnya yang melibatkan al-Quran seperti ilmu Tajwid, dalam masa yang sama membuktikan

¹ Wan Mohd Al Hafiz b. Wan Mustapa (MA), pensyarah al-Quran, al-Qirā'āt dan Ilmu-ilmu al-Quran di Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan. Calon Doktor Falsafah (Ph.D) Linguistik al-Quran di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

² Muhamad Hamidani b. Mustapha (MA), pensyarah al-Quran, al-Qirā'āt dan Ilmu-ilmu al-Quran di Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

³ Kamarul Shukri b. Mat Teh (Ph.D), profesor di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

kepentingan talaqqī dan mushāfaḥah dalam bacaan al-Quran.

Kata kunci: *Lām Alif (ل), Huruf Hijā'iyah, Tajwid Huruf*

PENDAHULUAN

Al-Quran ialah kitab suci umat Islam dan mukjizat sepanjang zaman. Setiap individu muslim mesti membaca al-Quran secara bertajwid kerana hukum bacaan bertajwid adalah fardu 'ain⁴. Manakala, hukum mempelajari ilmu Tajwid pula adalah fardu kifayah⁵. Imam Ibn al-Jazari menukilkan tentang kemestian bacaan secara bertajwid dalam matan karangan beliau⁶, iaitu:

وَالْأَخْذُ بِالتَّجْوِيدِ حَتْمٌ لَا زَمَ # مَنْ لَمْ يُجَوِّدِ الْقُرْآنَ آتَمَ
لِأَنَّهُ بِهِ الْإِلَهُ أَنْزَلَ # وَهَكَذَا عَنْهُ إِلَيْنَا وَصَلَا

Difahami daripada matan di atas ialah, bacaan secara bertajwid itu satu kemestian yang lazim. Sesiapa yang tidak membaca al-Quran secara bertajwid, maka dia berdosa, kerana Allah turunkan al-Quran secara bertajwid, dan secara bertajwid juga ia sampai kepada kita.

Setiap individu muslim mesti mempelajari terlebih dahulu perkara-perkara asas berkenaan tajwid, sebelum berupaya untuk membaca al-Quran secara bertajwid. Perkara-perkara tersebut seperti mengenal huruf dari sudut nama dan sebutan, baris, dan hukum-hukum tajwid yang lain.

Dalam konteks huruf-huruf dan perkataan al-Quran, majoriti ulama telah berpendapat bahawa jumlah keseluruhan perkataan dalam al-Quran adalah 77,934 patah perkataan⁷. Setiap perkataan tersebut terbentuk hasil gabungan huruf-huruf al-Quran, dan semestinya semua

⁴ Sa'd 'Abd al-Ḥamīd (2009), *Taysīr al-Raḥmān fī Tajwīd al-Qur'ān*, Shubrā al-Kheyma: Dār al-Taqwā, h. 24-25.

⁵ *Ibid.*

⁶ Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad b. 'Alī b. Yūsuf b. al-Jazarī (2000), *Tayyibat al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*, Madīnah: Dār al-Hudā, h.36.

⁷ 'Abd al-Raḥmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (2004), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1, Qāhira: Dār al-Ḥadīth, h.217.

huruf di dalam al-Quran ialah huruf bahasa Arab kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran. Firman Allah S.W.T:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾

(Yūsuf 12:2)

Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi meneliti huruf-huruf *hijā'iyah* yang terdapat di dalam al-Quran dari sudut perbezaan bilangannya di sisi ulama seterusnya mengkaji bagaimana boleh terciptanya huruf Lām Alif (ﻻ) serta sebutannya yang sebenar dalam bahasa Arab.

PENGERTIAN TAJWID

Erti tajwid dari segi bahasa ialah التَّحْسِين⁸, iaitu memperelokkan sesuatu atau mencantikkan. Dari segi istilah pula ialah ilmu yang menjelaskan hukum-hakam dan kaedah-kaedah yang wajib dipatuhi semasa membaca al-Quran iaitu dengan mengeluarkan setiap huruf dari *makhraj*nya serta memberikan hak (iaitu sifat aslinya) dan apa yang berhak diperolehi oleh huruf itu (iaitu sifat mendatang)⁹, tanpa melampau atau bersangatan.

Contoh sifat-sifat asli yang terdapat pada huruf *hijā'iyah* adalah seperti *jahr*¹⁰, *mahmūs*¹¹, *shiddah*¹², *rakhāwah*¹³, *istifāl*¹⁴, *isti'lā'*¹⁵,

⁸ Sa'd 'Abd al-Ḥamīd (2009), *op. cit.*, h. 23.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Sifat *Jahr* ialah lawan kepada sifat *Hams*. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud tertahan nafas ketika menyebut huruf-hurufnya kerana kuatnya pautan semasa penyebutan.

¹¹ *Mahmūs* ini merujuk kepada sifat *Hams*, iaitu sifat yang berlawanan kepada *Jahr*. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud terlepas nafas ketika menyebut huruf-hurufnya kerana lemahnya pautan semasa penyebutan.

¹² Sifat *Shiddah* ialah lawan kepada sifat *Rakhāwah*. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud tertahan suara ketika menyebut huruf-hurufnya kerana kuatnya pautan pada tempat keluar (*makhraj*) suara huruf-huruf tersebut.

¹³ *Rakhāwah* ialah sifat yang berlawanan dengan *Shiddah*. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud terlepas suara ketika menyebut huruf-hurufnya kerana lemahnyanya pautan pada tempat keluar (*makhraj*) suara huruf-huruf tersebut.

*istiṭālah*¹⁶, dan *tafasysyī*¹⁷. Contoh sifat-sifat mendatang yang terdapat pada huruf *hijā'īyyah* pula adalah seperti *izhār*, *idghām*, *ikhfā'*, *iqḷāb*, *tafkhīm*, dan *tarqīq*. Justeru, setiap sebutan huruf dalam bacaan al-Quran mesti menepati sifat dan *makhraj*nya yang sah, tanpa sebarang pengurangan atau penambahan.

PENGERTIAN HURUF

Menurut *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, huruf bermaksud lambang atau simbol kepada bunyi-bunyi bahasa¹⁸. Istilah ini diambil daripada bahasa Arab iaitu حَرْف (ḥarf). *Harf* ialah kata nama yang merujuk kepada bilangan satu atau *mufrad*. Apabila perkataan ini dibentuk menjadi *jam'*, maka akan menghasilkan istilah حُرُوف (*hurūf*) yang bermaksud huruf-huruf.

Menurut Ibn Jinnī, huruf ialah tempat terputusnya (tercetusnya) bunyi yang sedang melintasi organ-organ pertuturan¹⁹. Bunyi pula di sisi beliau merupakan unsur yang keluar bersama nafas dalam keadaan memanjang dan bersambungan²⁰. Definisi huruf pada pandangan Ibn Jinnī ini agak hampir dengan maksud *makhraj* huruf atau titik artikulasi.

Bagi Ibn Sīnā, definisi huruf tidak hanya melibatkan bunyi dan udara tetapi merujuk kepada keadaan perbezaan suatu bunyi dengan suatu bunyi yang lain dari sudut kekuatan dan keberatan yang dapat didengari daripada bunyi tersebut²¹.

¹⁴ Sifat *Istifāl* merupakan sifat berlawanan kepada *Isti'ālā'*. Maksud sifat ini dari segi ilmu Tajwid ialah merendahkan lidah dalam keadaan mendatar sahaja ketika menyebut huruf-hurufnya.

¹⁵ *Isti'ālā'* ialah sifat berlawanan kepada *Istifāl*. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud terangkat sebahagian besar lidah terutamanya bahagian pangkal lidah ke langit ketika menyebut huruf-hurufnya.

¹⁶ Sifat *Istiṭālah* ialah satu sifat yang tidak mempunyai lawan kepadanya. Dari segi istilah ilmu tajwid, sifat ini bermaksud *makhraj* yang memanjang ketika menyebut hurufnya.

¹⁷ *Tafasysyī* ialah satu sifat yang tidak mempunyai lawan kepadanya. Maksud sifat ini dari segi ilmu tajwid ialah semburan suara yang kuat ketika menyebut hurufnya.

¹⁸ Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 436.

¹⁹ Ibn Jinnī (1993), *Sirr Šinā'āt al-I'rāb*, pnyt. Ḥasan Hindāwī, j. 1, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 6 & 14.

²⁰ *Ibid.*, h. 6.

²¹ Abū 'Alī al-Husayn Ibn Sīnā (1978), *Asbāb Ḥudūth al-Ḥurūf*, pnyt. Ṭahā 'Abd al-Ra'ūf Sa'd, Qāhirah: Maktabat al-Azhar, h.10.

Definisi yang diberikan oleh dua orang tokoh ini merupakan permulaan kepada pengertian yang lebih kemas oleh ulama moden. Pada zaman tersebut, kedua-dua tokoh terbabit telah berusaha secara ilmiah bagi memberikan definisi terperinci tentang perkataan huruf khasnya dalam bidang ilmu bahasa atau linguistik. Antara titik persamaan yang didapati dalam setiap definisi ialah perbezaan antara bunyi dan huruf. Bagi mereka, huruf terbentuk kesan daripada keadaan tertentu yang berlaku kepada bunyi.

Walau bagaimanapun, huruf yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah merujuk kepada unit terkecil yang membentuk sesuatu perkataan. Perkataan merupakan unit kecil dalam bahasa yang mempunyai makna tersendiri, yang kebiasaannya bergabung bersama beberapa perkataan lain bagi membentuk suatu ayat, seterusnya menjadi asas komunikasi dan interaksi antara manusia²².

Secara umum, semua bahasa yang wujud di seluruh dunia adalah diasaskan daripada bunyi yang diujarkan oleh penuturnya dan difahami oleh pendengarnya. Hal demikian berlaku disebabkan bunyi bahasa dianggap sebagai ciri asas utama dalam penggunaan bahasa. Manakala ciri kedua pula ialah bentuk tulisan yang menjadi lambang kepada bunyi tersebut.

Sesuatu perkataan akan dibina dengan huruf sebagai bahan mentah yang pada asasnya terbit daripada benak manusia dan diucapkan oleh lidahnya atau ditulis oleh tangannya. Justeru, huruf dikatakan mempunyai tiga dimensi. Dimensi pertama ialah dimensi pemikiran yang merupakan gambaran rohani dalam akal manusia. Kedua ialah dimensi percakapan atau pertuturan. Dimensi ini berbentuk bunyi yang dilafazkan dan didengar oleh telinga. Dimensi ketiga ialah dimensi penulisan yang merupakan ukiran pena yang dapat dilihat dengan mata²³.

Justeru, huruf ialah satu istilah yang merangkumi aspek bunyi dan lambang bertulis. Ini bertepatan dengan pendapat Ibn al-Jazarī dalam kitab beliau *al-Nashr*²⁴ yang menjadi antara rujukan utama pengkaji ilmu al-Quran dari dahulu sehingga sekarang.

²² Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya*. Tesis Dr, Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 13.

²³ *Ibid.*

²⁴ Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad b. ‘Alī b. Yūsuf, Ibn al-Jazarī (1993), *al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 158 & 160.

HURUF DALAM BAHASA ARAB DAN PERKEMBANGANNYA DALAM ERA ISLAM

Sebelum pengkaji menerangkan lebih lanjut berkenaan susunan huruf dalam bahasa Arab, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian terlebih dahulu seperti sejarah huruf bahasa Arab dan perkembangannya. Namun, penerangan berkenaan hal ini adalah secara ringkas sahaja memandangkan sudah banyak kajian yang dilakukan terhadap perkara tersebut.

Antara sandaran tulisan dan huruf bahasa Arab sebelum kedatangan Islam adalah kepada seorang tokoh Quraysh iaitu Ḥarb b. Umayyah b. ‘Abd al-Shams, bapa kepada Abū Sufyān r.h.²⁵ Beliau seorang peniaga yang sentiasa bermusafir ke negara-negara luar untuk berdagang. Menurut ‘Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī, disebabkan terlalu banyak bermusafir maka Ḥarb b. Umayyah telah mempelajari banyak bahasa dunia termasuk tulisan. Menurut salah satu riwayat, beliau berguru dengan ‘Abd Allāh b. Jad‘ān yang bersambung sanadnya sehingga al-Khaljān b. al-Mawham, iaitu penulis wahyu kepada Nabi Hud a.s. Justeru, beliau merupakan guru yang mengajar bahasa dan tulisan kepada masyarakat Quraysh setiap kali pulang ke Mekah²⁶.

Menurut Mohd Zaki Abd Rahman, boleh dikatakan huruf Arab mula timbul di awal kurun ke-4 bersama dengan pertumbuhan bahasa Arab dalam kalangan Bani ‘Adnān b. Ismā‘īl b. Ibrāhīm a.s. Orang Arab mula mengambil berat dengan tulisan mereka selepas turunnya al-Quran al-Karīm²⁷.

Seperti sedia maklum, al-Quran al-Karīm pada zaman Nabi Muhammad S.A.W telah ditulis tanpa baris dan titik dengan berpanduan arahan dan tunjuk ajar daripada baginda S.A.W khasnya berkenaan di mana lokasi dan tertib ayat al-Quran al-Karīm yang bakal ditulis oleh para penulis wahyu. Sabda baginda S.A.W:

²⁵ ‘Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (2003), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf : al-Kitābah al-‘Arabiyyah, Kitābat al-Qur‘ān fī al-‘Ahd al-Nabawī, Jam‘uh fī ‘Asrayy Abī Bakr wa ‘Uthmān, al-Maṣāḥif fī ‘Asr al-Ṣaḥābah, al-Maṣāḥif al-‘Uthmāniyyah, Naqt al-Maṣāḥif wa Shakluhā, mā Yajibu ‘alā Kātib al-Muṣḥaf, al-Maṣāḥif fī Dawr al-Ṭibā‘ah*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar, h. 5.

²⁶ *Ibid.*, h. 6.

²⁷ Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). *op. cit.*, h. 32.

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي سِوَى الْقُرْآنِ، فَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيُمَحِّهِ

*Jangan kamu tulis daripada aku selain al-Quran, sesiapa yang telah menulis daripada aku selain al-Quran, maka hendaklah dia memadamkannya.*²⁸

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا نَزَلَتْ عَلَيْهِ آيَةٌ دَعَا
بَعْضَ مَنْ يَكْتُبُ، فَقَالَ: ضَعْ هَذِهِ الْآيَةَ فِي الْمَوْضِعِ الَّذِي يُذَكَّرُ

فِيهِ كَذَا وَكَذَا

*Sesungguhnya Rasulullah S.A.W apabila turun kepada baginda sepotong ayat al-Quran, baginda akan menyeru sebahagian orang yang boleh menulis, lantas berkata: Letak ayat ini di tempat yang disebut padanya demikian dan demikian.*²⁹

Selain itu, bentuk huruf dan tulisan yang pertama sekali digunakan untuk menulis wahyu ialah tulisan *al-Hijāzī*. Tulisan ini berasal daripada tulisan al-Anbar, namun telah mengalami beberapa penambahbaikan semasa digunakan di Mekah, maka ia kemudiannya dikenali dengan nama *al-Hijāzī*³⁰.

Tulisan-tulisan lain seperti Kūfī, Riq‘ah, dan Nasakh belum digunakan dalam penulisan al-Quran pada ketika ini. Walau bagaimanapun, tulisan tersebut mula mendapat tempat dalam penulisan semasa zaman khalifah Uthmān r.h., seterusnya berkembang pesat pada zaman khilafah Umayyah dan ‘Abbāsiyyah.

Sejarah penulisan al-Quran al-Karīm dalam bentuk tiada titik dan baris ini telah diikuti oleh Abū Bakr al-Ṣiddīq r.h. dan ‘Uthmān b. al-‘Affān r.h. pada zaman mereka. Namun, setelah berlalunya zaman dan bertambahnya kuantiti umat manusia yang memeluk agama Islam khasnya dalam kalangan orang bukan berbangsa Arab, maka telah mula timbul

²⁸ Muslim b. al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no.h. 3304, Maktabah Shāmilah. Shihāb al-Dīn Aḥmad b. ‘Alī al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar (1959), *Fatḥ al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, j. 1, Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 386.

²⁹ Abū Dāwud, Sulaymān b. al-Ash‘ath (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, no.h. 786, Maktabah Shamīlah. Abū ‘Ubayd al-Qāsim b. Salām al-Baghdādī al-Harawī, *Faḍā’il al-Qur’ān wa Ma’ālimuh wa Adabuh*, Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, h. 58.

³⁰ ‘Abd al-Fattāḥ al-Qāḍī (2003), *op. cit.*, h. 8.

kesalahan dari sudut bacaan pada tulisan Arab sehingga membawa kepada kesalahan dalam pembacaan al-Quran al-Karīm³¹.

Oleh yang demikian, buat kali pertamanya al-Quran al-Karīm ditulis dengan beberapa tanda iaitu dikenali sebagai tanda *i'rāb* (fleksi) atau نَقَطُ الْإِعْرَابِ (titik *i'rāb*). Tanda tersebut telah direka oleh seorang ulama' yang pakar dalam selok belok bahasa Arab, Abū al-Aswad al-Du'alī pada zaman Mu'āwiyah b. Abī Sufyān r.h. Tanda-tanda yang dimaksudkan ialah:

- i. Harakat (baris) *fathah* (atas) ditulis satu titik di atas huruf.
- ii. Baris *kasrah* (bawah) ditulis satu titik di bawah huruf.
- iii. Baris *ḍammah* (depan) ditulis satu titik di depan huruf.
- iv. Baris *tanwīn* (berganda) diletakkan dua titik.
- v. Baris *sukūn* (mati) tidak diberi sebarang tanda.³²

Seterusnya, tulisan al-Quran al-Karīm telah mengalami pembaharuan pada zaman pemerintahan 'Abd al-Malik b. Marwān. Beliau melalui al-Ḥajjāj b. Yūsuf al-Thaqāfi telah mengarahkan dua orang ulama' pada ketika itu iaitu Naṣr b. 'Āṣim dan Yaḥyā b. Ya'mar supaya memperbaharui tulisan bahasa Arab secara amnya dan tulisan al-Quran al-Karīm secara khasnya. Dua orang ulama' ini telah mencipta titik-titik bagi membezakan antara huruf-huruf dalam bahasa Arab seperti huruf ج (Jīm) dan خ (Khā'), juga ب (Bā') dan ن (Nūn). Titik-titik ini kemudiannya dikenali sebagai نَقَطُ الْإِعْجَامِ (titik *i'jām*)³³.

Kemudian, berlaku perubahan besar yang terakhir sekali bagi huruf dalam bahasa Arab dan tulisan al-Quran al-Karīm. Perubahan tersebut telah dibuat oleh seorang ulama' besar, al-Khalīl b. Aḥmad al-Farahidī pada zaman pemerintahan khilafah al-'Abbāsiyyah. Beliau telah menggabungkan dua kaedah yang telah dibuat oleh ulama' sebelumnya, seterusnya menambah serta memperelokkan tanda-tanda dalam bahasa Arab. Maka, tanda-tanda seperti *fathah* daripada Alif, *kasrah* daripada Yā', dan *ḍammah* daripada Wau telah diperkenalkan. Selain itu, terdapat juga tanda bacaan lain yang turut sama diperkenalkan seperti tanda *sukūn*, *tashdīd*, *ikhtilās* dan *ishmām*.

³¹ *Ibid.*, h. 9.

³² Muḥammad Muḥammad Sālim Muḥayşin (2003), *Irshād al-Ṭālibīn ilā Ḍabt al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar, h. 7.

³³ *Ibid.*

Rumusannya, segala usaha yang telah dilakukan oleh para ulama’ terdahulu adalah untuk memudahkan umat Islam dalam mempelajari bahasa Arab khususnya untuk membaca al-Quran al-Karīm. Di samping itu, usaha-usaha tersebut juga telah dicurahkan demi mengelak daripada berlakunya kekeliruan dalam sebutan huruf dan ayat-ayat suci al-Quran al-Karīm terutamanya bagi mereka yang baru memeluk Islam dan bukan berbangsa Arab.

SUSUNAN HURUF BAHASA ARAB DAN BILANGANNYA

Susunan huruf dalam bahasa Arab pada awalnya ialah mengikut susunan *Abjadī* yang diambil daripada kaum Finiq iaitu ا ب ج د ه و ز ح ط ي ك ل م ن (28 huruf) yang dihimpun dalam أَبْجَدُ هَوَزُ . Setelah timbul susunan Alfabet, huruf-huruf dalam susunan *Abjadī* diberi nilai angka untuk tujuan tanda bilangan, mengira dan mencatat³⁴.

Jadual 1: Huruf dan nilai angka yang diberikan.

Huruf	أ	ب	ج	د	هـ	و	ز
Nilai	1	2	3	4	5	6	7
Huruf	ح	ط	ي	ك	ل	م	ن
Nilai	8	9	10	20	30	40	50
Huruf	س	ع	ف	ص	ق	ر	ش
Nilai	60	70	80	90	100	200	300
Huruf	ت	ث	خ	ذ	ض	ظ	غ
Nilai	400	500	600	700	800	900	1000

Jadual 1 di atas menunjukkan bermula dengan huruf Alif atau Hamzah yang diberi nilai satu dan diikuti huruf selepasnya dengan kiraan nilai dua sehingga kepada huruf Yā’ yang diberi nilai 10. Bermula daripada huruf ini, kiraan nilai berubah kepada dua digit iaitu 10, 20, sehingga kepada 90 iaitu pada huruf Šād. Kemudian bermula pada huruf Qāf, kiraan nilai berubah kepada tiga digit iaitu 100, kemudian huruf berikutnya 200 dan seterusnya sehingga kepada huruf Zā’ dengan kiraan nilai 900. Kiraan ini berakhir dengan huruf Ghayn yang diberi nilai empat

³⁴ Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). *op. cit.*, h. 34.

digit iaitu 1000. Bentuk kiraan nilai ini digunakan secara meluas oleh orang Arab bahkan dalam ilmu-ilmu al-Quran seperti al-Fawāsil.³⁵

Huruf-huruf daripada kaum Finiq ini pada asalnya hanya mempunyai 22 huruf sahaja iaitu أَبْجَدُ هَوَزُ حُطَيِّ كَلْمُنْ سَعَفَصْ قَرَشَتْ , kemudian huruf-huruf tersebut telah dipindahkan oleh kaum Nabat daripada bangsa Aram seterusnya menambah enam lagi huruf iaitu تَخْدُ ضَطْعُ . Abjad yang digunakan oleh kaum Nabat adalah dalam bentuk huruf-huruf bersambung. Pada ketika itu, huruf vokal dan titik masih belum wujud.

Berikut ialah rajah-rajah perubahan bentuk huruf dari zaman lampau sehingga ke akhir kurun ke-6.

Rajah 1: Contoh huruf daripada tulisan kaum Naba dan Arab Kuno.

شكل ١ - مقارنة الخطوط العربية القديمة بالخط النبطي المتأخر

	الخط النبطي المتأخر (١)	الخط العربي القديم (٢)	الخط العربي القديم (٣)	الخط العربي القديم (٤)
أ	666611	ا	ا	ا
ب	ب	ب	ب	ب
ج	ج	ج	ج	ج
د	د	د	د	د
هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
و	و	و	و	و
ز	ز	ز	ز	ز
ح	ح	ح	ح	ح
ط	ط	ط	ط	ط
ك	ك	ك	ك	ك
ل	ل	ل	ل	ل
م	م	م	م	م
ن	ن	ن	ن	ن
س	س	س	س	س
ع	ع	ع	ع	ع
ف	ف	ف	ف	ف
ق	ق	ق	ق	ق
ر	ر	ر	ر	ر
ش	ش	ش	ش	ش
ت	ت	ت	ت	ت
ث	ث	ث	ث	ث

(١) غاذق من الخط النبطي المتأخر (القرن الأول والثاني والثالث م.م.) مستخلصة من نقوش بعلبك وألحجر.


(٢) غاذق من حروف نقش البصرة من القرن الرابع م.م.

(٣) غاذق من حروف نقش زبد وجزائن من القرن السادس م.م.

(٤) غاذق من حروف عربية مستخلصة من نقوش عربية قديمة من القرن الأول للهجرة.


³⁵ Al-Qāsim b. Firrūh, al-Shāṭibī (2007), *Nāẓimat al-Zahr*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar, h. 10.

Rajah 2: Contoh huruf yang ditemui pada ukiran Umm al-Jamāl al-Awwal.



Tulisan pada rajah 2 di atas ialah ملك ، برشلي ربو جزيمة ، دنة نفسو فهرو ، بن سلي مربي جزيمة ، ملك تنوخ ، iaitu dalam bahasa Arabnya . هذا قبر فهر ، بن سلي مربي جزيمة ، ملك تنوخ ، دنة نفسو فهرو ، برشلي ربو جزيمة ، ملك

Rajah 3: Contoh huruf yang ditemui pada ukiran al Nimarah.




Ukiran Nimarah atau Nemar ini ditemui di kubur عمرو القيس بن عمرو merupakan salah seorang raja di حيرة , Syria. Terjemahan daripada tulisan di atas ialah:

- Baris pertama: تي نفس مر القيس بر عمرو ملك العرب كله ذو اسر التاج . Maksudnya dalam bahasa Arab ialah, هذا قبر امرئ القيس بن عمرو ملك العرب كلهم الذي حاز التاج .


- Baris ke-2: . ملك الاسدين ونزرو وملوكهم وهرب منحجوا عكدي وجا .
Maksudnya dalam bahasa Arab ialah, ملك الأسدين وانزارا وملوكهم وهزم , مزجحا بقوته وقاد .
- Baris ke-3: . يزجي في حيج نجرن مدينة شمر وملك معدو ونزل بنيه .
Maksudnya dalam bahasa Arab ialah, الظفر إلى أسوار نجران مدينة شمر وملك معدا وانزل , (بمعنى قسم بين) أبنائه .
- Baris ke-4: . الشعوب ووكلهن فرسوا لروم فلم يبلغ ملك مبلغه .
Maksudnya dalam bahasa Arab ialah, الشعوب و كلهم فرساناً للروم فلم يبلغ ملك مبلغه ,
- Baris ke-5: . عكدي هلك سنة 223 يوم 7 بكسلول فليسعد ذو دلده .
Maksudnya dalam bahasa Arab ialah, في القوة ، هلك سنة 223 م يوم 7 من كسلول (كانون , الأول) ليسعد نسله وذريته .

Rajah 4: Contoh huruf yang ditemui pada ukiran Zabad.




Ukiran yang ditemui berhampiran sungai Furat ini ditulis dengan tulisan Siryani dan Nabat Baru (Arab Kuno). Para pengkaji sejarah berselisih pendapat pada maksud tulisan tersebut kecuali pada baris terakhir iaitu بسم الإله شرحوبر مع قيموو بر مر القيس - وشرحوبر سعدو وسترو ... شر يحو

Rajah 5: Contoh huruf yang ditemui pada ukiran Harrān.



Ukiran ini merupakan antara ukiran yang hampir dengan kurun kebangkitan Islam iaitu sekitar 50 tahun lebih sebelum kedatangan Nabi Muhammad S.A.W. Tulisan yang terpahat adalah seperti berikut: أنا شرحيل بن ظالم بنيت هذه الكنيسة سنة 463 بعد مفسد خبير بعم أنا شرحيل بن ظالم بنيت هذه الكنيسة سنة 463 بعد مفسد (انهيار) خبير بعام.

Rajah 6: Contoh huruf yang ditemui pada ukiran Umm al-Jamāl al-Thānī pada akhir kurun ke-6.



Ukiran pada rajah 6 di atas ialah bentuk tulisan yang paling hampir kepada era kedatangan Islam. Perkara yang ditulis pada ukiran tersebut ialah الله غفر لآليه - بن عبدة كاتب - الخليلد أعلى بن - عمري كتب عنه من - يقرؤه .

Daripada semua contoh ukiran tersebut, jelas bahawa susunan dan penggunaan huruf daripada zaman lampau sehingga sekarang mempunyai persamaan dan kesinambungan tersendiri, sehinggalah kepada zaman kedatangan Islam yang merancakkan lagi perkembangan penyebaran huruf bahasa Arab.

SUSUNAN HURUF DAN SEBUTAN LĀM ALIF

Zaman Naṣr b. ‘Āṣim dan Yaḥyā b. Ya‘mar merupakan zaman permulaan pertukaran huruf Arab daripada susunan *Abjadī* kepada Alfabet yang digunakan secara meluas sekarang. Jadi, pada zaman tersebut huruf-huruf

yang mempunyai bentuk serupa telah mula dibezakan dengan titik tertentu³⁶. Huruf yang terlibat ialah:

ب ت ث ن ي - ج خ - ذ - ز - ش - ض - ظ - غ - ف ق

Penamaan susunan *Abjadī* adalah diambil daripada kedudukan huruf dalam susunan itu sendiri yang bermula dengan huruf Hamzah atau Alif, diikuti dengan huruf Bā' sebagai huruf kedua, huruf Jīm sebagai huruf ketiga dan huruf Dāl sebagai huruf keempat. Jika disambungkan huruf-huruf tersebut, maka akan terbentuk seperti berikut, أَبْجَد (Abjad).³⁷

Begitu juga dengan penamaan susunan Alfabet. Susunan ini dimulakan dengan huruf Alif, kemudian diikuti dengan huruf Bā', seterusnya huruf Tā'. Perkataan "alfa" diambil daripada ejaan huruf Alif iaitu, أَلْف kemudian digandingkan dengan huruf Bā' dan Tā'. Hasilnya ialah, أَلْفَبَتْ (Alfabet).³⁸

Jika dikaji dari sudut bilangan huruf pula, majoriti ahli bahasa Arab bersepakat bahawa bilangan huruf dalam bahasa Arab adalah 29 huruf, dan dalam masa yang sama terdapat juga perbezaan pada menentukan susunan huruf-huruf tersebut. Pengkaji lebih cenderung untuk memilih pendapat Ibn Jinnī iaitu 29 huruf yang bermula dengan huruf Hamzah dan berakhir dengan huruf Yā'³⁹. Ini kerana susunan tersebut banyak diguna pakai oleh masyarakat Islam Malaysia.

Walau bagaimanapun, bilangan huruf hijā'iyah yang banyak tersebar dalam al-Quran mukaddam⁴⁰ masyarakat melayu khasnya Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei ialah 30 huruf. Jumlah ini belum ditambah lagi dengan huruf jawi seperti Ga, Nya, dan Ca. Huruf-huruf yang 30 tersebut adalah seperti berikut:

ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه ل ا ي

Susunan huruf di atas telah meletakkan perbezaan antara huruf Hamzah, huruf Alif mad, dan huruf Alif bukan mad. Huruf Alif yang berada di permulaan susunan ialah Alif bukan mad. Huruf Hamzah pula

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Ghanim Qaddūrī al-Ḥamad (2009), *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawīyyah Tārīkhiyyah*, c.2, Ammān: Dār 'Ammār li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 33.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Ibn Jinnī (1993), *op. cit.*, j. 1, h. 41.

⁴⁰ Mukaddam al-Quran *Qaidah Baghdadiyyah*, Indonesia.

diletakkan selepas huruf Lām Alif, manakala huruf Alif pada Lām Alif merujuk kepada huruf Alif mad.

Merujuk kepada susunan Ibn Jinnī, beliau telah membuat dua bentuk susunan huruf Arab iaitu mengikut makhraj huruf dan yang keduanya mengikut sifat Abjad. Susunan mengikut makhraj merupakan amalan kebanyakan pengkaji silam seperti al-Khalīl⁴¹, Sibawayh⁴² dan Ibn Jinnī sendiri. Berikut ialah susunan mengikut makhraj yang telah dibuat oleh Ibn Jinnī⁴³:

ء ا ه ع ح غ خ - ق ك - ج ش ي ض - ل ر ن - ط د ت -
ص ز س - ظ ذ ث - ف ب م و

Bagi kategori kedua iaitu susunan huruf mengikut Abjad, Ibn Jinnī telah menggunakan kaedah Alfabet iaitu dengan meletakkan Hamzah di atas Alif pada awal susunan, dan meletakkan Alif bersambung dengan Lam sebelum huruf akhir. Beliau juga telah membahagikan huruf kepada dua kategori iaitu mad (vokal) dan bukan mad (konsonan).

Huruf mad ada tiga huruf iaitu ا و ي. Huruf-huruf ini tidak boleh dibaca kerana tidak mempunyai harakat atau baris. Justeru, perlu didatangkan sebelumnya huruf lain yang berbaris untuk membunyi huruf mad. Sebagai contoh, bagaimana ingin menyebut huruf Alif mad (ا) yang sememangnya tidak mempunyai baris? Jika dibunyikan “aaa”, maka di sana telah ada penambahan huruf lain sebelumnya iaitu huruf Hamzah berbaris atas seperti اَ. Begitu juga dengan sebutan-sebutan huruf mad lain.

Justeru, susunan Alfabet ini dicipta bagi menghurai permasalahan yang melibat huruf mad (vokal) dan bukan mad (konsonan) terbabit. Berikut ialah 29 huruf yang disusun mengikut kaedah Alfabet:⁴⁴

أ - ب ت ث - ج ح خ - د ذ - ز - س ش - ص ض
- ط ظ - ع غ - ف ق ك - ل م ن - ه و لا ي

⁴¹ Al-Khalīl b. Aḥmad al-Farahidī (1967), *al-‘Ayn*, ed. ‘Abd Allāh Darwīsh, j. 1, Baghdād: Matba‘at al-‘Aynī, h. 65.

⁴² Sibawayh (1977), *al-Kitāb*, pny. ‘Abd al-Salām M. Hārūn, j. 4, Qāhirah: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li al-Kitāb, h. 431.

⁴³ Ibn Jinnī (1993), *op. cit.*, j. 1, h. 45.

⁴⁴ Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001), *op. cit.*, h. 40.

Dalam susunan ini, huruf Hamzah diletakkan di atas huruf Alif pada awal susunan bagi menunjukkan huruf tersebut ialah huruf konsonan. Huruf Alif yang kedua diletakkan bersama kategorinya iaitu di antara Wau dengan Yā' kerana Alif ini adalah huruf vokal yang *sukūn* dan tidak boleh bersendirian. Lalu diletakkan di hadapannya Lām berbaris *fathah* bagi membolehkan huruf Alif itu disebut. Jadi, bacaan yang betul ialah لَ (Lā'), bukan Lām Alif⁴⁵.

Pemilihan huruf Lām untuk digandingkan dengan huruf Alif mad adalah didasari beberapa faktor, antaranya kadar penggunaannya yang banyak dalam bahasa Arab terutama di dalam al-Quran. Sebagai contoh, huruf Lām banyak dan sentiasa digandingkan dengan huruf Alif pada membentuk Alif Lām Ma'rifah, sama ada Alif Lām Shamsiyyah ataupun Alif Lām Qamariyyah. Contohnya, اللّٰمِ (Alif Lām Shamsiyyah) dan اَلْعَلَقِ (Alif Lām Qamariyyah).

Faktor kedua yang menyumbang kepada pemilihan huruf Lām ialah sifat dan makhraj (tempat keluar huruf) huruf Lām itu sendiri. Huruf ini berada dalam kategori huruf-huruf ringan dengan sifat-sifatnya lemah⁴⁶. Begitu juga dengan makhrajnya yang berada di hujung lidah, memudahkan lagi sebutan penutur. Justeru jika diteliti, lafaz tahlil didominasi oleh huruf Lām dan Alif iaitu, لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Lā ilāh illa Allāh). Oleh yang demikian, lafaz ini sangat mudah untuk disebut dan ringan dari sudut penuturan. Langsung tiada rasa berat pada sebutan bahkan boleh dituturkan tanpa memerlukan kepada pergerakan yang besar daripada organ-organ pertuturan lain malah memadai dengan pergerakan lidah sahaja. Subhānallāh!

PENUTUP

Daripada huraian yang telah dibuat, dapat disimpulkan bahawa susunan dan bilangan yang dibuat oleh Ibn Jinnī ini adalah susunan yang masih digunakan sehingga sekarang bahkan lebih popular kerana berasaskan bentuk yang serupa dan lebih senang dipelajari serta diingati. Susunan ini selari dengan yang diperkenalkan oleh Naṣr b. 'Āṣim dan Yaḥyā b. Ya'mar yang telah mengubah susunan *Abjadī* kepada *Alfabā'*⁴⁷.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 41.

⁴⁶ *Ibid.* h. 72.

⁴⁷ *Ibid.*

Berkenaan sebutan huruf Lām Alif (ل), perselisihan yang berlaku pada bentuk sebutan huruf tersebut tidak menjejaskan fungsi asal penciptaannya. Saranan kepada para guru agar tidak mengajar hanya dalam satu bentuk sebutan sahaja. Semoga dengan kajian ini dapat menambahkan informasi guru-guru tentang perkara terbabit dan dapat menerangkan secara jelas kepada para pelajar berkenaan asal usul penciptaan dan sebutannya yang sah. Wa Allāh a'lam.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ān

‘Abd al-Fattāh al-Qāḍī (2003), *Tārīkh al-Muṣḥaf al-Sharīf : al-Kitābah al-‘Arabiyyah, Kitābat al-Qur’ān fī al-‘Ahd al-Nabawī, Jam’uh fī ‘Asrayy Abī Bakr wa ‘Uthmān, al-Maṣāḥif fī ‘Asr al-Saḥābah, al-Maṣāḥif al-‘Uthmāniyyah, Naqt al-Maṣāḥif wa Shakluhā, mā Yajibū ‘alā Kātib al-Muṣḥaf, al-Maṣāḥif fī Dawr al-Ṭibā’ah*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar.

Abū Dāwud, Sulayman b. al-Ash’ath (t.t), *Sunan Abī Dāwud*, no.h. 786, Maktabah Shāmilah.

Al-Harawī, Abū ‘Ubayd al-Qāṣim b. Salām al-Baghdādī, *Faḍā’il al-Qur’ān wa Ma’ālimuh wa Adabuh*, Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.

Al-Khalīl b. Aḥmad al-Farahidī (1967), *al-‘Ayn*, pny. ‘Abd Allāh Darwīsh, Baghdād: Maṭba‘at al-‘Aynī.

Al-Shāṭibī, al-Qāṣim b. Firrūh (2007), *Nāẓimat al-Zahr*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar.

Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān Jalāl al-Dīn (2004), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Qāhirah: Dār al- Hadīth.

Ghanim Qaddurī al-Ḥamad (2009), *Rasm al-Muṣḥaf Dirāsah Lughawiyyah Tārīkhiyyah*, c.2, ‘Ammān: Dār ‘Ammār li al-Nashr wa al-Tawzī‘.

Ibn al-Jazarī, Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad b. ‘Alī b. Yūsuf (2000), *Ṭayyibat al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*, Madīnah: Dār al-Hudā.

_____ (1993), *al-Nashr fī al-Qirā’āt al-‘Ashr*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Ḥajar, Shihāb al-Dīn Aḥmad b. ‘Alī al-‘Asqalanī (1959), *Fath al-Bārī Sharḥ al-Bukhārī*, Qāhirah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Ibn Jinnī (1993), *Sirr Sinā’āt al-I’rāb*, pnyt. Ḥasan Hindawī, Dimashq: Dār al-Qalam.

Ibn Sīnā, Abū ‘Alī al-Husayn (1978), *Asbāb Ḥudūth al-Ḥurūf*, pnyt. Ṭahā ‘Abd al-Ra’ūf Sa’d, Qāhirah: Maktabat al-Azhar.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya. Tesis Dr, Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muḥammad Muḥammad Salīm Muhayşin (2003), *Irshād al-Ṭālibīn Ilā Dabt al-Kitāb al-Mubīn*, Qāhirah: Maktabat al-Azhar.

Muslim b. al-Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no.h. 3304, Maktabah Shāmilah.

Sa’d ‘Abd al-Ḥamīd (2009), *Taysīr al-Raḥmān fī Tajwīd al-Qur’ān*, Shubrā al-Kheyima: Dār al-Taqwā.

Sibawayh (1977), *al-Kitāb*, pnyt. ‘Abd al-Salām M. Hārūn, Qāhirah: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Ammah li al-Kitāb.